

# UNISSA anjurkan Bengkel Pengurusan Harta dan Pusaka



MANTAN Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Bakri semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian tersebut (kiri), manakala gambar kanan, pegawai-pekerjaan, pihak swasta, orang awam dan warga UNISSA antara yang menghadiri bengkel tersebut.



Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 September. - Sebagai sebuah universiti yang menyulurkan maklumat melalui pencildikan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU) dengan kerjasama Tetuan Daud Ismail & Company telah mengadakan Bengkel Pengurusan Harta dan Pusaka: Wasiat, Wakaf dan Hibah.

Bengkel merupakan penggarapan maklumat semasa mengenai pengurusan harta dan pusaka di mana itu mengenai harta dan pusaka perlu diberikan

pendedahan kepada masyarakat kerana persoalan ini sering menjadi pertikaian dalam kalangan kultura.

Hadir selaku tetamu kehormat semasa bengkel yang membentuk fokus utama kepada pengurusan harta dan pusaka yang melibatkan perkara-perkara berhubungkait dengan Wasiat, Wakaf dan Hibah ini ialah Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Bakri.

Bengkel ini memberikan pemahaman mengenai harta seseorang Islam yang telah meninggal dunia, yang mana harta

yang ditinggalkan atas namanya seperti akaun di bank, akaun pelaburan, akaun tabung haji, rumah, tanah, saham syarikat dan saham kopcrasi yang menjadi miliknya ketika dia masih hidup telah pun menjadi harta pusaka. Ini bermakna kesemuanya ahli-ahli waris kepada si mati mempunyai hak dan bahagian masing-masing mengikut hukum faraid.

Antara tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan perkembangan-perkembangan terkini dalam persoalan pengurusan harta dan pusaka yang melibatkan hibah, amanah, wasiat, faraid dan wakaf di Brunei.

Bengkel juga bertujuan untuk memberi pendekatan mengenai ruang lingkup pengurusan harta dan pusaka kepada orang awam

agar mereka lebih peka dan celik maklumat mengenai pengurusan harta dan pusaka serta kesan negatif yang akan berlaku sekiranya harta berkenaan tidak diuruskan dengan cara yang betul dan profesional mengikut hukum syarak.

Selain itu bengkel ini juga berusaha untuk memperkenalkan instrumen-instrumen alternatif yang ada selain daripada wasiat dan pembahagian harta secara faraid dalam pengurusan harta dan pusaka dari segi teori dan amali, di samping mencari penyelesaian kepada permasalahan semasa.

Antara pengisian bengkel adalah pembentangan Kertas Kerja yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan FSU, Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi

bertajuk "Kedudukan Harta Dalam Islam"; Peguambela, Peguamcara dan Peguam Syarikat selaku Pengurus Bersama Bengkel, Awang Haji Mohamad Daud bin Haji Ismail dengan tajuk "Hibah vs Wasiat : Biar Tahu Jangan Keliru"; Pembentang Jemputan dari Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Haji Ariffin bin Saibiri dengan tajuk "Hibah Pelengkap Bukan Helah Elak Faraid" manakala pembentangan dengan tajuk "Wakaf: Sudah Untuk Berubah" disampaikan oleh Dekan FSU, Dr. Haja M. Nooraini binti Haji Mohiddin.

Lebih 100 peserta menghadiri bengkel tersebut, terdiri daripada pegawai-pekerjaan kerajaan, pihak swasta, orang awam dan warga UNISSA.

## PAPDA terima sumbangan kerusi roda dan tongkat



TIMBALAN Pengurus PAPDA, Awang Haji Sahari Haji Tinggal semasa menerima kerusi roda daripada Halimmatul Mardziah binti Ahmad, wakil Syarikat Damit Worley (atas), manakala gambar kanan, Awang Haji Sahari semasa menerima kerusi roda tersebut bersama ahli-ahli PAPDA yang lain.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

KIARONG, Sabtu, 22 September. - Kebajikan dan keperluan orang-orang kelainan upaya di negara ini akan terus diberi perhatian agar mereka tidak merasa tersisih dan dapat

menjalani kehidupan seperti masyarakat lainnya.

Menyedari akan keperluan tersebut, satu projek komasyarakatan telah dilaksanakan oleh empat orang mahasiswa/i dari Program Perubatan 2016/2017 di bawah modul : Special Study Module III (HM-32-11) Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Persatuan Orang-orang Cacat Berkurusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA).

Projek berkenaan telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2018 di The Airport Mall Brakas yang antara lain bertujuan untuk meraih kesedaran orang ramai mengenai Persatuan PAPDA sekali gus mengumpulkan derma daripada orang awam dalam sama-sama membantu menghulurkan bantuan kepada persatuan berkenaan.

Berikutnya daripada projek tersebut, sebuah syarikat tempatan, Damit WorleyParsons Engineering Sendirian Berhad telah menghulurkan sumbangan kepada Timbalan Pengurus PAPDA, Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Awang Haji Sahari antara lain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima



rod dan dua tongkat (elbow crutches) diserahkan oleh Assurance Manager, Dayang Halimmatul Mardziah binti Ahmad selaku wakil syarikat kepada Timbalan Pengurus PAPDA, Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Awang Haji Sahari antara lain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan kepada persatuan berkenaan di mana ia akan dapat digunakan dengan sebaik mungkin oleh ahli-ahli persatuan PAPDA yang memerlukan.

Beliau turut menycreu agar masyarakat luar akan dapat sama-sama membantu, memahami serta menghormati hak-hak orang kelainan upaya di negara ini.